

Ancaman penyakit gaya hidup mewah

PETALING JAYA: Semua negara di dunia perlu merumuskan satu rangka kerja atau mekanisme bagi mengekang ancaman penularan penyakit berjangkit dan persediaan menangani kemungkinan kemunculan gejala baru.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, berkata banyak penyakit berjangkit yang pernah dianggap terkawal kini muncul semula dan orang ramai berdepan dengan ancaman baru kesihatan, termasuk penyakit berpunca daripada gaya hidup mewah dan moden.

"Selain itu, ia juga berlaku akibat tekanan mental dan alam sekitar. Malangnya, tiada penyelesaian tekno-

logi tinggi dan segera dengan asas bagi penyelesaian itu ialah menerusi bukti saintifik hasil penyelidikan," katanya berucap pada Persidangan Menteri Kesihatan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2007, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini, semalam.

Dr Chua berkata, perubahan dramatik dalam gaya hidup masyarakat, teknologi dan alam sekitar, dengan berkurangnya keberkesanan pendekatan tertentu untuk mengawal penyakit, menyebabkan kemunculan pelbagai wabak berjangkit.

Katanya, penyakit kini menjadi punca kedua terbesar kematian di du-

BH-15/6/2007.

“Perubahan gaya hidup masyarakat, teknologi dan alam sekitar, dengan berkurangnya pendekatan mengawal penyakit, menyebabkan kemunculan pelbagai wabak berjangkit”

Dr Chua Soi Lek
Menteri Kesihatan

nia selain pengaruh faktor semula jadi seperti cuaca, bentuk muka bumi dan genetik, manakala pada masa sama, manusia turut menyumbang kepada penyebaran banyak ejen jangkitan.

Beliau berkata, masalah kesihatan itu bukan saja menyumbang secara ketara kemerosotan tahap kesihatan masyarakat dunia, malah menyebabkan kos tinggi bagi sistem penjagaan kesihatan.

Katanya, kesihatan sepatutnya menjadi satu tanggungjawab yang mesti dikongsi antara individu, keluarga, masyarakat, penyedia penjagaan kesihatan serta industri berkaitan kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan. - Bernama